

07 JUN 1999

SG SECURITIES-DAGANG

ANGKA DAGANG BERI PROSPEK KEYAKINAN, KATA SG SECURITIES

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Pertumbuhan positif import Malaysia adalah sejajar dengan kaji selidik sentimen pengguna Institut Pengelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang menunjukkan bahawa pengguna kini semakin yakin dengan kelegaan tekanan inflasi dan kejatuhan kadar faedah, demikian menurut SG Securities Research.

Menurutnya, pertumbuhan itu dicatat walaupun terdapat kebimbangan terhadap prospek pendapatan dan pekerjaan.

Eksport juga, dilihat menggalakkan dan ini menandakan pengeluaran kukuh, terutamanya produk elektronik, tambahnya.

Import yang lebih besar menunjukkan bahawa pengeluar memenuhi stok bagi pengeluaran, katanya dalam analisisnya baru-baru ini. Ia merujuk kepada peningkatan import produk elektronik dan elektrik dengan import injap dan tiub thermionik meningkat 22.7 peratus.

SG Research juga memetik kaji selidik Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) yang mendedahkan bahawa keuntungan industri pembuatan dijangka terus meningkat dalam suku kedua 1999.

Ia juga meramalkan peningkatan angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Inflasi dan kadar faedah yang rendah, peningkatan pertumbuhan eksport dan import, peningkatan pengeluaran pembuatan, membolehkan KDNK suku kedua tumbuh 2-3 peratus, tambahnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sebelum ini berkata KDNK suku pertama menguncup 1.5 peratus berbanding penguncupan 8.1 peratus dalam suku keempat 1998.

Angka-angka rasmi suku pertama akan dikeluarkan pada akhir Jun, kata SG Securities. -- BERNAMA

MSL JR